

PENGGUNAAN APLIKASI IPAD DALAM PEMBELAJARAN LISAN MENERUSI PROGRAM ‘BAHASA MELAYU, TUTURLAH DENGAN YAKIN’

Alia Bte Moreta

Sekolah Menengah Dunman
Pusat Bahasa Melayu Singapura
13 Bishan Street 11, Singapore 579782
alia_moreta@moe.edu.sg

ABSTRAK

Lisan merupakan komponen penting dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Bagi melahirkan pelajar yang mahir bertutur dengan fasih, konfiden serta berfikir dengan kritis, Jabatan Bahasa Melayu telah meneroka satu program lisan yang bertajuk, ‘Bahasa Melayu, Tuturlah dengan Yakin’. Oleh itu, satu penilaian berdasarkan sukatan pelajaran telah dihasilkan. Selaras dengan nilai teras kemahiran abad ke-21, objektif program ini adalah untuk membentuk pelajar yang berkeyakinan, mempunyai arah sendiri dan menjadi penyumbang yang aktif. Program lisan ini memanfaatkan aplikasi iPad, *Explain Everything* yang membolehkan pelajar-pelajar memuatnaikkan pelbagai bahan seperti gambar, rencana serta video yang berkaitan dengan topik lisan dengan mudah. Topik-topik ini merangkumi isu-isu sosial, kekeluargaan serta kemasyarakatan. Seterusnya, para pelajar boleh merakam suara bagi memberi pandangan serta membaca pandangan rakan-rakan yang lain. Penilaian yang dilakukan terhadap hasil kerja mereka serta pelajar lain dibuat berdasarkan rubrik yang telah diberikan guru. Oleh itu, aplikasi ini dapat membantu guru serta pelajar membuat penilaian berkenaan perkembangan pelajar secara menyeluruh dalam kemahiran berkomunikasi. Penggunaan alat iPad serta aplikasi iPad dalam program ‘Bahasa Melayu, Tuturlah dengan Yakin’ dapat menyuntik minat pelajar dalam bahasa Melayu menerusi penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Di samping itu, kesan penggunaan ICT adalah dapat menjadikan proses pembelajaran lebih aktif serta mewujudkan suasana pembelajaran yang interaktif, menyeronokkan dan mencabar. Cara pembelajaran ini boleh menggalakkan para pelajar mampu berdikari dan kolaboratif kerana perlu memberi kerjasama kepada pelajar yang lain. Oleh itu, pendekatan ini juga menawarkan peluang untuk interaksi dan kolaborasi sejajar dengan usaha untuk melengkapkan pelajar dengan kecekapan abad ke-21.

Kata kunci: *Kemahiran Lisan, Teknologi, Pendidikan, Pembelajaran Terarah Kendiri*

1. PENGENALAN

Program ‘Bahasa Melayu, Tuturlah dengan Yakin’ telah dijalankan di Sekolah Menengah Dunman pada tahun 2013 untuk mempertingkatkan penguasaan bahasa Melayu para pelajar, khususnya dalam kemahiran lisan. Kemahiran ini penting bagi mempersiapkan pelajar dengan kemahiran abad ke-21. Kemahiran abad ke-21 ditakrifkan sebagai individu yang mempunyai keyakinan diri, mengamalkan pembelajaran sendiri, menyumbang dengan aktif dan merupakan warga negara yang prihatin.

Penerapan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam program ini adalah untuk menimbulkan minat serta suasana yang menyeronokkan dan mencabar dalam pengajaran dan pembelajaran. Pada masa yang sama, etika penggunaan Internet dapat diintegrasikan.

Menerusi program ini, kemahiran lisan pelajar diasah melalui pembelajaran terarah sendiri serta interaksi bersama rakan sebaya di sekitaran dalam talian semasa kurikulum. Hasil pembelajaran adalah menerusi isi yang diketengahkan oleh pelajar serta kemajuan dalam kemahiran bertutur.

2. TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan untuk menguji keberkesanan penggunaan *Explain Everything* dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Kajian ini ingin mengukur sejauh mana penggunaan *Explain Everything* dalam pengajaran lisan dapat mempertingkatkan kemahiran bertutur pelajar.

Matlamat khusus kajian ini pula terbahagi kepada enam. Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh manakah pendekatan-pendekatan ini:

- i. dapat mempersiapkan pelajar dengan kemahiran-kemahiran pembelajaran dalam Abad ke-21
- ii. mengaplikasikan ICT dalam moda pembelajaran
- iii. menjadikan proses pengajaran berbentuk interaktif
- iv. mampu membuat proses pembelajaran lebih menarik
- v. menggalakkan pembelajaran secara sendiri serta kolaboratif
- vi. membentuk pemikiran kreatif dan kritis dalam kalangan pelajar

Pada bahagian akhir program ini, satu sesi temu bual akan diadakan bagi mendapatkan maklum balas daripada pelajar-pelajar yang terlibat. Menerusi sesi ini, guru boleh mengetahui sejauh manakah pendekatan yang digunakan telah berjaya memberikan manfaat kepada pelajar.

3. PERMASALAHAN KAJIAN

Guru menjalankan sesi konsultasi lisan serta memberikan latihan di kelas pada awal tahun. Berdasarkan penilaian guru, kelemahan-kelemahan utama para pelajar adalah kurang pengetahuan am, menggunakan kosa kata yang terhad dan kurang keyakinan diri untuk berbual dalam bahasa Melayu. Faktor-faktor ini telah menyebabkan para pelajar tidak dapat menghubungkan topik-topik yang diberikan dengan hal ehwal semasa. Natiujahnya, ini boleh menjejaskan kelancaran perbualan mereka, termasuk sewaktu menduduki peperiksaan lisan.

Sesi temu bual bersama pelajar telah diadakan untuk mengenal pasti punca utama kelemahan para pelajar dalam latihan lisan, terutama bahagian perbualan. Faktor kurang membaca bahan bacaan dan bertutur dalam bahasa Melayu dalam kehidupan seharian telah dikenal pasti sebagai punca utama.

Maka itu, proses pembelajaran yang dapat memberi ruang bagi para pelajar untuk berlatih kemahiran lisan serta membaca bahan bacaan yang bermutu dan serta topik yang pelbagai menjadi matlamat guru. Dalam era dunia tanpa sempadan serta pelajar yang celik IT, alat ICT harus dimanfaatkan dengan sepenuhnya. Prasarana sekolah turut memudahkan pelaksanaan pembelajaran berbantuan teknologi. Oleh itu, alat ICT seperti iPad dan Internet harus dimanfaatkan sebaik mungkin. Penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran

ini juga selaras dengan kuota 15% yang diperuntukkan untuk penggunaan ICT di bilik darjah. Justeru, sebelum pelaksanaan program 'Bahasa Melayu, Tuturlah dengan Yakin', guru telah mengenal pasti aktiviti-aktiviti menggunakan ICT yang sesuai berdasarkan keperluan pelajar.

3.1 Istilah Definisi

Explain Everything merupakan satu aplikasi iPad. Pengguna boleh merakam sendiri perbualan mereka serta memuatkan bahan-bahan dalam pelbagai bentuk media seperti gambar dan video dalam aplikasi ini. Seterusnya, hasil kerja pelajar dapat dikongsi dalam pelbagai cara seperti *Dropbox* dan *Evernote*.

4. KAJIAN LEPAS

Menurut Hafioazah Kassim dalam kajiannya yang bertajuk **Towards the Effectiveness of Utilizing ICT in Enhancing Language Learning Process: A Pilot Study** berkenaan keberkesanan ICT dalam pembelajaran dan pengajaran bahasa, ICT dapat memberi kesan positif dan efektif. Hasil dapatan tinjauan menunjukkan bahawa lebih daripada 60% responden lebih selesa menggunakan ICT dalam pembelajaran bahasa. Alat-alat ICT yang disarankan termasuk video dan radio. Ini menunjukkan bahawa para pelajar lebih cenderung menggunakan alat ICT berbanding buku teks dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. 86% responden setuju penggunaan alat ICT dapat mempertingkatkan penguasaan bahasa mereka. Ini kerana pembelajaran berbantuan teknologi membolehkan pembelajaran berpusatkan pelajar.

Hasil dapatan tinjauan yang dikendalikan oleh Rahmat Subadah dan Abdul Malek (2011) dari Pusat Bahasa Melayu Singapura menunjukkan bahawa 93% guru bahasa Melayu setuju penggunaan ICT dalam pembelajaran dan pengajaran dapat mengukuhkan kemahiran komunikasi para pelajar. 88% guru pula telah menerapkan ICT dalam pengajaran sekurang-kurangnya sekali dalam seminggu.

Menurut kajian yang dilakukan Steve Higgins (2003) yang bertajuk, **Does ICT Improve Teaching and Learning in Schools?**, beliau mendapati ICT memberi kesan positif dan efektif. Para pelajar juga lebih selesa dan seronok menggunakan komputer lantas menambah motivasi dalam menghasilkan tugas yang diberikan. Hasil dapatan juga menunjukkan penerapan alat ICT dapat mempertingkatkan kemahiran kreativiti dan pemahaman para pelajar.

Satu kajian telah dilaksanakan oleh Paul Heinrich (2012) di **Longfield Academy** untuk meninjau keberkesanan penggunaan iPad di bilik darjah. Hasil dapatan kajian yang bertajuk **The Ipad As a Tool For Education** menunjukkan peranan signifikan Ipad dalam bidang pendidikan. Guru-guru serta para pelajar berpendapat bahawa produktiviti mereka telah meningkat dengan penggunaan Ipad. Kemajuan pelajar dalam pelbagai aspek iaitu motivasi, mutu kerja dan kolaboratif telah dilihat menerusi penggunaan Ipad dalam pengajaran dan pembelajaran. Malah, 77% guru mendapati pencapaian pelajar semakin meningkat dengan penggunaan Ipad di bilik darjah. Pada masa yang sama, kajian ini juga menegaskan pemilihan aplikasi Ipad yang sesuai perlu bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

Secara syumul hasil dapatan kajian menunjukkan,

“significant and very positive impact on learning and teaching which, in time, should be reflected in achievement and attainment, thanks to both pedagogical changes and new ways of learning engendered by the ‘any time anywhere’ access to information and learning tools.”

Kesimpulannya, guru harus menggunakan segenap peluang untuk meningkatkan kemahiran berbahasa pelajar. Hal ini termasuklah usaha untuk menggunakan alat ICT dan memaksimumkan Internet serta alat-alat elektronik untuk menarik dan meningkatkan minat pelajar dalam mempelajari bahasa Melayu.

4.1 Penerapan ICT Dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Pelajar perlu diberi peluang untuk meneroka bahan-bahan bukan bercetak untuk mendapatkan informasi dan juga menggunakan ICT dalam aktiviti bahasa seperti membuat persembahan hasil kerja mereka. Selain itu aspek kesejahteraan siber juga ditekankan untuk mendidik pelajar agar menjadi pengguna yang beretika dan bertanggungjawab. Terdapat banyak manfaat yang dapat diraihkan menerusi penerapan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran:

1. Melibatkan pelbagai deria pelajar. Pelajar boleh didedahkan kepada pelbagai bentuk media seperti visual dan audio.
2. Menambah minat pelajar.
3. Membolehkan pembelajaran secara sendiri.
4. Menjana kreativiti dan imaginasi pelajar.
5. Membolehkan pelajar mendapat maklumat dengan mudah dan cepat.
6. Meningkatkan kemahiran ICT pelajar.

4.2 Kemahiran Abad Ke-21

Menurut UNESCO dalam Laporan Suruhanjaya Antarabangsa untuk Pendidikan Abad Ke-21, (Report Of The International Commission On Education For The Twenty First Century), pendidikan yang berterusan sepanjang hayat harus berasaskan empat tunggak, iaitu:

- *‘Learning to know’* (belajar untuk tahu);
- *‘Learning to do’* (belajar untuk buat);
- *‘Learning to live together’* (belajar untuk hidup bersama); dan
- *‘Learning to be’* (belajar untuk menjadi).

Pada peringkat asas, pendidikan seharusnya memberi pendedahan yang meluas dan pelbagai kepada pelajar. Dengan pendedahan yang meluas dan pelbagai, pelajar akan lebih mampu menguasai kemahiran bahasa dalam konteks yang pelbagai dan rencam dan menyesuaikan penggunaan bahasa sesuai konteks penggunaannya.

5. KAEDAH KAJIAN

5.1 Subjek Kajian

Kumpulan sasaran awal program ini merupakan pelajar menengah 3 aliran Ekspres dan Normal Akademik. Mereka mengambil bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda dan mempunyai penguasaan bahasa pelbagai.

Bagi pelajar menengah 3 aliran Ekspres, mereka menghasilkan tugas secara individu manakala pelajar menengah 3 Normal Akademik telah melakukan tugas secara

berpasangan. Para pelajar telah menghasilkan tugas mereka pada waktu kurikulum iaitu selama enam waktu pelajaran (35 minit bagi setiap pelajaran) dalam masa tiga minggu yang mengandungi taklimat, sesi latihan bersama penilaian rakan dan rakaman akhir.

5.2 Instrumen Kajian

Setiap pelajar telah diberikan topik yang berbeza. Selaras dengan kemahiran abad ke-21, para pelajar harus fasih serta peka dalam hal ehwal semasa seperti isu-isu berkaitan dengan kebersihan dan alam sekitar. Senarai topik yang diberikan adalah seperti berikut:

1. Jiran Tetangga
2. Keharmonian Kaum
3. Keluarga
4. Kebersihan
5. Keselamatan Jalan Raya
6. Kesihatan
7. Kerja Kemasyarakatan
8. Kerja Sambilan
9. Kitar Semula
10. Membaca
11. Pelancongan
12. Pengangkutan Awam
13. Rakan
14. Sukan Lasak
15. Teknologi
16. Warga Emas

Pemilihan aplikasi iPad, *Explain Everything*, adalah berdasarkan fungsi yang pelbagai terdapat pada aplikasi ini. Fungsi-fungsi tersebut membolehkan pelajar memuatnaikkan pelbagai bentuk bahan seperti gambar, video dan rencana dengan mudah. Rakaman juga boleh dilakukan dalam bentuk suara atau mahupun video. Dengan menggunakan iPad, pelajar juga mudah untuk memetik gambar dan merakam video.

Menerusi aplikasi iPad, *Explain Everything*, para pelajar dapat memuatnaikkan bahan-bahan seperti artikel, gambar dan video mengenai topik yang diberikan. Bahan-bahan tersebut boleh didapatkan menerusi Internet. Pemilihan bahan yang sesuai dapat membantu para pelajar bertutur dengan lebih baik mengenai topik perbualan yang diberikan. Pada permulaan pengajaran, guru telah membimbing para pelajar menyaring serta memilih sumber laman yang sesuai dari segi isi dan penggunaan bahasa. Para pelajar turut diingatkan supaya membubuh sumber maklumat mereka dalam setiap tugas yang diberikan. Selain itu, pelajar juga boleh memetik gambar dan merakam video yang bersesuaian dengan topik perbualan masing-masing.

Seterusnya, para pelajar akan merumuskan bahan-bahan yang dikumpulkan menerusi pelbagai bentuk seperti peta minda. Tugas ini dapat membantu para pelajar berbual tentang topik yang diberikan dengan lebih tersusun dan terperinci. Secara tidak langsung, persediaan ini membantu pelajar untuk menjadi lebih yakin dalam perbualan mereka. Menerusi fungsi merakam suara yang terdapat pada aplikasi iPad, *Explain Everything*, para pelajar dapat merakamkan pandangan mengenai salah satu gambar yang telah dimuatnaikkan. Para pelajar akan memberi pandangan dengan merujuk pada teknik menjawab bahagian perbualan berdasarkan gambar yang telah diajar oleh guru. Pelajar juga

akan menjawab empat soalan yang telah diajukan oleh guru. Keempat-empat soalan berkaitan dengan tema yang terdapat pada gambar yang telah dimuatnaikkan. Setiap hasil kerja telah dihantar kepada guru menerusi e-mel untuk dinilai. Guru sebagai fasilitator memantau dan menilai tugasan pelajar.

Para pelajar turut berpeluang mendengar dan membaca pendapat pelajar-pelajar lain selain daripada memperdengarkan semula rakaman suara mereka sendiri. Oleh itu, pelajar juga boleh membuat penilaian terhadap hasil kerja mereka serta pelajar lain. Penilaian ini dibuat berdasarkan rubrik yang telah diberikan guru. Rubrik ini telah diadaptasikan daripada skema pemarkahan peperiksaan Lisan Bahasa Melayu GCE peringkat Biasa. Aktiviti penilaian ini adalah untuk menyedarkan pelajar tentang kekuatan dan kelemahan masing-masing dalam bahagian perbualan dari segi isi dan bahasa yang digunakan. Menerusi aktiviti penilaian ini juga para pelajar dapat mengenal pasti ciri-ciri sebuah perbualan yang dianggap baik atau kurang baik.

Sewaktu taklimat yang diberikan kepada pelajar, guru telah menerangkan peri pentingnya

- Semua pelajar terlibat secara aktif
- Penyelidikan harus fokus kepada topik perbualan yang diberikan
- Pemilihan bahan yang sesuai
- Penilaian berdasarkan rubrik yang diberikan

5.3 Prosedur Kajian

Temu bual secara tidak formal telah dijalankan untuk mendapatkan maklum balas para pelajar. Soalan-soalan yang dikemukakan adalah untuk meninjau keberkesanan penggunaan alat ICT iaitu iPad dan aplikasi iPad iaitu *Explain Everything*.

Para pelajar memberi maklum balas berdasarkan soalan-soalan berikut:

- Sejauh mana aplikasi ini telah mendatangkan manfaat kepada mereka?
- Apakah kemahiran yang telah mereka raihkan daripada penggunaan aplikasi ini?
- Apakah yang mereka suka tentang aplikasi ini?
- Apakah kekurangan aplikasi ini?

6. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan latihan lisan yang dihasilkan, secara umumnya, para pelajar dapat menunjukkan kelakonan yang lebih baik. Mereka lebih yakin dalam bahagian perbualan dan lebih fasih dalam membincangkan topik yang diberikan. Ada antara mereka juga dapat mengaitkan hal ehwal semasa dan memberikan contoh-contoh yang sesuai dengan topik yang dikemukakan.

Menerusi perkongsian pendapat menggunakan perisian *Explain Everything*, pelajar turut sedar peri pentingnya amalan membaca dan pengetahuan am. Para pelajar sedar betapa mudahnya untuk mendapatkan bahan-bahan bacaan menerusi Internet. Oleh itu, mereka turut mengumpul dan membaca bahan bacaan dalam talian bagi membantu mempertingkatkan penguasaan bahasa Melayu mereka.

Maklum balas yang telah diberikan oleh pelajar adalah positif. Ulasan-ulasan yang positif yang diberikan adalah seperti berikut:

- Saya lebih yakin bertutur dalam bahasa Melayu.
- Saya dapat menilai kemahiran lisan dalam bahasa Melayu menerusi *Explain Everything*.
- Aplikasi iPad *Explain Everything* mudah digunakan.
- Bahan-bahan yang diperlukan mudah diakses dari Internet.
- Cara pembelajaran yang menyeronokkan.

Setelah menjalankan program ‘Bahasa Melayu, Tuturlah Dengan Yakin’, guru mendapati bahawa:

- Pelajar-pelajar lebih selesa dan seronok menggunakan alat ICT lantas menambah motivasi dalam menghasilkan tugas yang diberikan. Pelajar didapati tertumpu pada tugas yang diberikan dan kelihatan ghairah merakam jawapan mereka. Rakaman telah dilakukan beberapa kali sebelum dihantar kepada guru kerana mereka dapat menilai serta mengenal pasti kesilapan mereka lalu memperbaiki kesilapan tersebut. Ini kerana mereka ingin berikan hasil kerja yang baik.
- Pelajar telah didedahkan kepada bahan bacaan yang sesuai dengan topik. Oleh itu, mereka dapat memberikan hujahan yang lebih terperinci, kritis dan menarik dalam tugas mereka.
- Penggunaan bahasa yang lebih formal dan sesuai. Para pelajar telah membaca bahan bacaan dari sumber seperti laman akhbar di mana penggunaan bahasa formal digunakan.
- Keyakinan diri para pelajar telah meningkat semasa merakam jawapan mereka. Ini kerana mereka telah berlatih beberapa kali serta membuat persediaan yang rapi. Tambahan lagi, maklum balas yang positif oleh rakan-rakan mereka telah membuat mereka lebih yakin untuk bertutur dalam bahasa Melayu dan memberi pendapat mereka berkenaan topik yang diberikan.
- Kesejahteraan siber berjaya diintegrasikan menerusi program ini kerana guru memberi bimbingan serta teguran berkenaan etika penggunaan Internet yang betul.
- Para pelajar juga terlalu bergantung kepada guru untuk menyediakan bahan bacaan. Mereka dapat mengenal pasti bahan bacaan yang sesuai dengan topik serta menggunakan bahan bacaan dalam talian dengan lebih berkesan.
- Pelajar memberi kerjasama yang baik kepada rakan-rakan mereka.

7. KESIMPULAN

Persoalan kajian adalah untuk melihat sejauh mana penggunaan aplikasi Ipad, *Explain Everything* dapat meningkatkan kemahiran lisan para pelajar. Berdasarkan pengamatan guru, para pelajar telah menunjukkan sikap yang positif terhadap semua aktiviti yang dilaksanakan. Semasa mencari bahan, para pelajar telah menunjukkan kesungguhan. Ini kerana Internet membolehkan pelajar mendapatkan maklumat dan pengetahuan yang terkini dengan lebih cepat serta efisien tanpa perlu menunggu masa yang lama seterusnya dapat digunakan dalam aktiviti pembelajaran. Melalui cara ini kualiti pengajaran dan pembelajaran akan lebih berkesan kerana maklumat-maklumat dapat terus diakses ke dalam sistem.

Aplikasi *Explain Everything* telah memberi ruang memperbaiki kemahiran lisan mereka. Secara tuntas, pelajar dapat maklumat serta pendapat dengan memberi huraian yang lebih terperinci secara lisan. Kemajuan dari segi sebutan baku, intonasi, jeda dan penggunaan tatabahasa yang betul. Ini kerana aplikasi ipad *Explain Everything* memperbolehkan pelajar menggabungkan segala bahan bacaan dengan mudah dalam satu pembentangan. Mereka mahu dilihat sebagai berkebolehan.

Pendedahan kepada bahan bacaan yang bermutu dari segi isi dan bahasa turut membantu pelajar menghasilkan kerja yang bermutu. Sehubungan dengan ini, penggunaan kosa kata pelajar lebih luas. Mereka juga lebih peka tentang laras bahasa yang sesuai serta lebih yakin mengemukakan isu-isu semasa yang berkaitan dengan topik perbualan. Isi tidak lagi terhad kepada pengalaman peribadi pelajar.

Ipad sebagai alat yang padat dan ringan membolehkan para pelajar memetik gambar dan merakam video dengan mudah. Perkara ini telah menjana kreativiti serta inovatif para pelajar semasa menghasilkan tugas ini.

Penggunaan alat iPad serta aplikasi iPad dalam program 'Bahasa Melayu, Tuturlah dengan Yakin' dapat menyuntik minat pelajar dalam bahasa Melayu menerusi penggunaan ICT. Semua pelajar terlibat secara aktif dalam menghasilkan tugas masing-masing. Di samping itu, kesan penggunaan ICT dapat proses mewujudkan suasana pembelajaran yang interaktif, menyeronokkan dan mencabar.

Cara pembelajaran ini juga menggalakkan para pelajar mampu berdikari dan kolaboratif kerana perlu memberi kerjasama kepada pelajar yang lain. Pelajar-pelajar juga didedahkan kepada hasil kerja pelajar-pelajar lain. Hasil kerja yang merangkumi topik yang pelbagai dapat menambah pengetahuan pelajar bukan sahaja dalam topik perbualan mereka tetapi topik-topik yang lain juga. Amalan ini menggalakan perkongsian serta kolaborasi antara pelajar. Oleh itu, pendekatan ini juga menawarkan peluang untuk interaksi dan kolaborasi sejar dengan usaha untuk melengkapkan pelajar dengan kecekapan abad ke-21.

Tambahan lagi, guru dapat menambah nilai dengan memupuk amalan kesejahteraan siber dalam kalangan pelajar. Guru telah mendidik pelajar tentang pemilihan sumber yang sesuai dari segi isi dan bahasa. Pelajar juga diingatkan tentang pentingnya Hak Milik Intelektual Terpelihara semasa pelajar menukil atau memuatnaikkan bahan seperti gambar, rencana dan video. Mereka menyedari kepentingan meletakkan sumber pada hasil kerja mereka. Maka, para pelajar bukan sahaja dapat memperkukuhkan kemahiran lisan, malah mempertingkatkan kemahiran ICT.

Seterusnya, program 'Bahasa Melayu, Tuturlah Dengan Yakin' akan diperkenalkan kepada peringkat-peringkat yang lain pula. Penggunaan aplikasi iPad *Explain Everything* akan diteruskan untuk membantu pelajar dalam kemahiran lisan. Oleh itu, aktiviti penilaian untuk memberi pandangan dan sarangan tidak lagi terhad untuk pelajar dalam satu kelas malah pelajar-pelajar dari kelas lain.

8. RUJUKAN

- Bellanca, James and Brandt, Richard (2010). *21st Century Skills: Rethinking How Students Learn*, Solution Tree.
- Collins, Alan and Halverson, Richard (2009). *Rethinking Education in the Age of Technology: The Digital Revolution and Schooling in America*, Teachers College Press.
- Jukes, Ian and Dosaj, Anita (2004). *Understanding Digital Kids (DKs) Teaching and Learning in the New Digital Landscape*, The Info Savvy Group.
- Steve Higgins (2003). *Does ICT Improve Teaching and Learning in Schools?*, British Educational Research Association.

Sumber Elektronik

- Hafioazah Kassim, *Towards the Effectiveness of Utilizing ICT in Enhancing Language Learning Process: A Pilot Study* dari http://www.academia.edu/331825/Towards_the_Effectiveness_of_Utilizing_ICT_In_Enhancing_Language_Learning_Process_A_Pilot_Study
- Paul Heinrich (2012), *The Ipad As a Tool For Education*, was jointly commissioned by NAAC and 9ine Consulting. Dipetik dari <http://www.naace.co.uk/publications/longfieldipadresearch>
- Rahmat Subadah & Abdul Malek Ahmad (2011), *Use of ICT in the teaching and learning of Interaction Skills in Malay Language* , Pusat Bahasa Melayu Singapura. Dipetik dari <http://www.ictlt.com>
- Strengthening Language Skills to Prepare Our Students Well for the Future* dari <http://www.moe.gov.sg/media/press/2010/03/strengthening-language-skills-.php>
- The Ipad As A Tool For Education* dari <http://www.naace.co.uk/publications/longfieldipadresearch>

Lampiran A (Biodata Pembentang)

Nama: Alia Bte Moreta

Institusi: Sekolah Menengah Dunman, Kementerian Pendidikan Singapura

Kelayakan Akademik: Ijazah Kepujian Kelas Pertama Pengajian Melayu (Penerima Anugerah Pingat Emas Tun Fatimah, 2008), Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Pengalaman:

- 2009 - Sesi perkongsian 'Penggunaan Permainan Papan dalam Pengajaran Bahasa Melayu' (Sekolah Menengah Dunman)
- 2010 - Sesi perkongsian kebangsaan Program Bacaan Luas (Perpustakaan Woodlands)
- 2010 - Sesi perkongsian kebangsaan Seminar Bahasa Melayu (Pusat Bahasa Melayu Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura)
- 2011 - Sesi perkongsian Festival ICT Bahasa Melayu (Akademi Guru Singapura)
- 2012 - Sesi perkongsian Kurikulum Berasaskan Sekolah (Pusat Bahasa Melayu, Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura)
- 2013 - Sesi perkongsian peringkat kebangsaan Seminar Bahasa Melayu (Pusat Bahasa Melayu Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura)

Projek

- 2009 - Penerima dana *Ideas-in-Action* untuk menghasilkan bahan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu (Citibank)

Anugerah

- 2010 - Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (Emas), (Spring Singapore)

Paul Heinrich (2012), *The Ipad As a Tool For Education*, cited from <http://www.naace.co.uk/publications/longfieldipadresearch>